

## Keperntingan Nahu Arab dalam Menghafaz al-Quran

Zahriah Hussin  
[hzahriah@gmail.com](mailto:hzahriah@gmail.com)  
Universiti Putra Malaysia

Nik Farhan Mustapha  
[farhan@upm.edu.my](mailto:farhan@upm.edu.my)  
Universiti Putra Malaysia

Che Radiah Mezah  
[cradiah@upm.edu.my](mailto:cradiah@upm.edu.my)  
Universiti Putra Malaysia

Pabiyah Toklubok@Hajimaming  
[pabiyah@upm.edu.my](mailto:pabiyah@upm.edu.my)  
Universiti Putra Malaysia

Normaliza Abd Rahim  
[nliza@upm.edu.my](mailto:nliza@upm.edu.my)  
Universiti Putra Malaysia

### ABSTRAK

Kajian ini meninjau persepsi pelajar tahfiz terhadap keperntingan pengetahuan nahu Arab dalam menghafaz al-Quran. Untuk tujuan itu, satu set soal selidik jenis skala Likert telah diedarkan kepada pelajar tahfiz yangsedang mengikuti pengajian di Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Dalam pemilihan responden, hanya mereka yang mempunyai pengetahuan bahasa Arab pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sahaja dipilih. Kajian ini menggunakan teknik persampelan bertujuan (*purposive sampling*) menggunakan borang *Google* yang diedarkan melalui aplikasi *WhatsApp*. Seramai 109 orang pelajar daripada 21 buah IPT, sama ada di dalam mahupun luar negara telah menyertai kajian ini. 70.6% daripada para pelajar ini telah menghafaz 30 juzuk al-Quran dan majoriti daripada mereka (89%) mendapat prestasi cemerlang dalam peperiksaan bahasa Arab SPM. Analisis faktor dengan Kaedah Komponen Prinsipal menunjukkan kesahan konstruk item yang dibina, manakala nilai Cronbach Alfa melebihi 0.7 menunjukkan kebolehppercayaan item kajian. Dua faktor yang terbina sebagai konstruk kajian ini telah diekstrak daripada 15 item yang dikemukakan dan dinamai sebagai keperntingan nahu sebagai strategi hafazan dan keperntingan nahu sebagai faktor motivasi. Penentuan kedua-dua fungsi ini berdasarkan ciri-ciri item subkumpulan berkenaan. Analisis deskriptif menunjukkan bahawa pelajar tahfiz mempunyai persepsi yang tinggi terhadap konstruk keperntingan nahu sebagai faktor motivasi. Manakala bagi keperntingan nahu sebagai strategi hafazan, responden menunjukkan persepsi sederhana tinggi. Dapatan ini memberikan indikator wujudnya keperntingan nahu Arab dalam pembelajaran hafazan al-Quran sebagai motivasi kepada pelajar tahfiz dan juga sebagai salah satu strategi menghafaz al-Quran.

**Kata kunci:** nahu; motivasi; strategi hafazan; bahasa Arab; hafazan al-Quran

## **The Importance of Arabic Grammar in Memorising The Quran**

### **ABSTRACT**

This study examines the perception of Tahfiz students towards the importance of the knowledge of Arabic grammar in memorising the Qur'an. To achieve this, likert-scale survey questionnaires were distributed to Tahfiz students who are currently studying at higher learning institutions. The selected respondents are those who have studied Arabic language at the Malaysian Certificate of Education (SPM) level. This study employs purposive sampling. The questionnaire was distributed to respondents via WhatsApp application using Google form. 109 students from 21 higher learning institutions, locally and abroad, participated in this study. 70.6% of them have memorised 30 juz' of the Qur'an, and a large percentage of them (89%) achieved excellent results in the Arabic examination of Malaysian Certificate of Education (SPM). A factor analysis using the Principle Component Method showed validity of the established construct items, while Alpha Cronbach exceeding 0.7 showed the reliability of the items under study. Two factors which are the constructs have been extracted from 15 items presented. The first factor is the importance of Arabic grammar as a memorisation strategy, and the second factor is the importance of Arabic syntax as a motivational factor. Descriptive analysis has showed that Tahfiz students have high perception towards the construct of the importance of Arabic grammar as a motivational factor. As for the importance of Arabic grammar as a memorisation strategy, respondents gave moderate perception. The findings of this study highlights the importance of Arabic grammar as a motivating factor and a memorising strategy in the process of memorising the Qur'an among Tahfiz students.

**Keywords:** grammar; motivation; memorization strategies; Arabic Language; memorizing al-Quran

### **PENGENALAN**

Kecenderungan masyarakat Islam kepada pendidikan tahfiz menjadikan penubuhan sekolah tahfiz begitu menggalakkan sama ada oleh pihak kerajaan, swasta mahupun individu. Hakikatnya, sejarah perkembangan sekolah tahfiz di negara kita bukanlah suatu yang dianggap baharu. Pendidikan tahfiz bermula sejak tujuh dekad yang lalu, dengan penubuhan sekolah tahfiz secara persendirian oleh Haji Muhammad Noor Ibrahim, mantan Mufti Kelantan pada tahun 1937 (Ab Rahman al-Qari, Shukeri & Zulkifli, 2012). Seterusnya, era selepas merdeka, iaitu sekitar tahun 1960-an menyaksikan peranan kerajaan melaksanakan prakarsa melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan menubuhkan Darul Quran dan Maahad Tahfiz di setiap negeri (Sedek & Zulkifli, 2015).

Terkini, perkembangan sekolah tahfiz semakin pesat. Misalnya, kerajaan negeri juga mengambil inisiatif mengadakan sekolah atau program tahfiz mereka sendiri seperti Maahad Tahfiz Sains di Kelantan, Program Ulul Albab seperti di Sekolah Intiaz Terengganu dan beberapa Maahad Tahfiz Integrasi di Selangor. Manakala mutakhir ini, Kementerian Pendidikan Malaysia juga menjadikan beberapa Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Sekolah Berasrama Penuh (SBP) sebagai sekolah Ulul Albab yang menawarkan kelas tahfiz al-Quran. Selain itu, pelajar sekolah harian yang dikenali sebagai Kelas Aliran Agama turut berpeluang menghafaz beberapa surah al-Quran melalui Kelas Kemahiran al-Quran yang dijadikan sebagai aktiviti kokurikulum aliran berkenaan.

Walaupun pertumbuhan sekolah tahfiz begitu pesat, namun masih banyak institusi tahfiz yang tidak mensyaratkan bahasa Arab sebagai mata pelajaran yang wajib dipelajari,

sedangkan kefahaman terhadap al-Quran memerlukan ilmu bahasa Arab (Ahmed, 2008; al Jaburi, 2010). Namun begitu, terdapat sebilangan kecil institusi pendidikan tahfiz awam yang menggandingkan subjek bahasa Arab dengan tahfiz al-Quran sebagai satu kurikulum seperti Darul Quran dan Maahad Tahfiz Quran Negeri (MTQN) di bawah seliaan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Gandingan ini memberikan gambaran wujudnya kepentingan dan hubungan erat antara pengetahuan bahasa Arab dengan pembelajaran al-Quran. Hal ini dikatakan demikian kerana al-Quran perlu difahami melalui bahasanya sendiri, iaitu bahasa Arab (Ahmed, 2008). Komponen bahasa Arab yang sangat dititikberatkan dalam memahami al-Quran ialah ilmu nahu, sebagaimana yang dinukilkan oleh al-Suyuti bahawa pengkaji al-Quran dan pencari rahsia kitab ini hendaklah melihat kepada kalimah dan pembentukannya, kedudukannya, keadaannya sebagai subjek atau prediket atau pelaku atau objek (al-Jaburi, 2010). Namun persoalannya, sejauh manakah kepentingan ilmu nahu dititikberatkan dalam membantu pelajar menghafaz al-Quran.

### HUBUNGAN NAHU DENGAN HAFAZAN

Kepentingan nahu dalam mempelajari bahasa Arab secara umumnya telah ditekankan oleh ilmuwan silam dan moden (al-Ahwani, 1983; Ahmed, 2008; Zaidan, 2011). Hal ini dikatakan demikian kerana nahu atau tatabahasa Arab secara definisinya ialah ilmu tentang hukum sesuatu perkataan Arab sama ada dalam bentuk tunggal, mahupun frasa atau ayat. Secara spesifiknya, nahu merupakan cabang ilmu linguistik Arab yang membincangkan hubungan antara lafaz dengan maknanya melalui fleksi. Fleksi merupakan komponen utama ilmu nahu yang berperanan dalam menentukan baris pada akhir kalimah. Selain itu, melalui pemerhatian terhadap beberapa buku berkaitan nahu Arab, ilmu nahu turut membincangkan beberapa aspek lain seperti aspek kata yang merujuk kepada bilangan *mufrad*, *muthanna*, jamak; gender; struktur ayat seperti *taqdÊm*, *ta'khÊr*, dan sebagainya. Keistimewaan nahu Arab yang tidak terdapat dalam bahasa lain, seperti mempunyai kaedah analisis struktur ayat yang lengkap dan teliti, juga teras kepada ilmu bahasa Arab, menjadikannya ilmu yang wajib dipelajari oleh pelajar yang mendalami ilmu al-Quran (Azhar, 2005).

Dalam pada itu, kepentingan nahu dalam mempelajari hafazan turut dibincangkan oleh ulama silam. Sarjana terawal menyatakan kepentingan ini ialah al-Qabisi (935-1012M) (al-Ahwani, 1983). Al-Qabisi sangat menekankan kepentingan mempelajari nahu dalam kalangan pelajar tahfiz untuk mendapatkan kefahaman sebenar dan memudahkan hafazan (al-Ahwani, 1983). Pandangan al-Qabisi tersebut berteraskan apa yang dinukilkan daripada gurunya Ibnu Sahnun bahawa wajib bagi guru al-Quran mengajarkan *iNrÊb* (fleksi) bagi para pelajar al-Quran kerana nahu merupakan salah satu di antara nilai-nilai penguat kepada pembelajaran al-Quran (al-Ahwani, 1983). Melihat kepada peranan nahu seperti yang ditegaskan, sudah pasti kepentingannya dalam mempelajari al-Quran perlu diutamakan dan diberikan perhatian.

Di samping itu, pengetahuan nahu amat penting semasa menghafaz kerana pengetahuan itu memberikan kefahaman yang sebenar terhadap makna yang ingin disampaikan oleh Allah kepada manusia menerusi cara susunan perkataan di dalam ayat serta hukum berkaitan dengan fleksi. Dalam hal ini, pengetahuan tentang *waqf* dan *ibtidÊ'*, iaitu tempat berhenti dan memulakan bacaan yang betul semasa membaca al-Quran, misalnya, amat berkait dengan pemahaman makna. Pengetahuan ini hanya boleh diperolehi melalui ilmu nahu, *qiraÊt*, ilmu tentang bahasa Arab serta beberapa ilmu yang lain (al-Zarkashi, 1972). Malah, kepentingan mengetahui *waqf* dan *ibtidÊ'* yang betul dianggap sama pentingnya dengan mempelajari al-Quran (al-Zarkashi, 1972).

Selain untuk tujuan kefahaman, pengetahuan dalam ilmu nahu boleh membantu penghafaz al-Quran sebagai strategi membezakan kekeliruan yang timbul antara dua

perkataan yang serupa (*mutashÉbihÉt*) dalam al-Quran. Dalam konteks ini, Abdul Hafiz et al. (2005) mengkaji tentang keperluan mengetahui dan membezakan kedudukan ayat-ayat *mutashÉbihÉt*. Walau bagaimanapun, mereka tidak mengaitkan peranan ilmu nahu dalam mengatasi masalah tersebut. Al-Zawawi (2010) pula membuktikan kepentingan pengetahuan nahu sebagai panduan kepada pelajar tahfiz untuk mengatasi kekeliruan sepanjang proses menghafaz ayat *mutashÉbihÉt*. Antara contoh kekeliruan kalimah al-Quran yang boleh dirungkaikan dengan pengetahuan nahu termasuklah seperti yang terdapat dalam ayat 272 surah al-Baqarah:

لَيْسَ عَلَيْكَ هُدَاهُمْ وَلَكِنَّ اللَّهَ يَهْدِي مَنْ يَشَاءُ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ خَيْرٍ فَلَأَنْفُسِكُمْ وَمَا تُنْفِقُونَ إِلَّا ابْتِغَاءَ  
وَجْهِ اللَّهِ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ خَيْرٍ يُؤَفَّ إِلَيْكُمْ وَأَنْتُمْ لَا تُظْلَمُونَ (272)

Maksudnya: Tidaklah engkau diwajibkan (wahai Muhammad) menjadikan mereka (yang kafir) mendapat petunjuk (kerana kewajipanmu hanya menyampaikan petunjuk), akan tetapi Allah jualah yang memberi petunjuk (dengan memberi taufik) kepada sesiapa yang dikehendaknya (menurut undang-undang peraturan-Nya). Dan apa jua harta yang halal yang kamu belanjakan (pada jalan Allah) maka (faedahnya dan pahalanya) adalah untuk diri kamu sendiri dan kamu pula tidaklah mendermakan sesuatu melainkan kerana menuntut keredaan Allah dan apa jua yang kamu dermakan daripada harta yang halal, akan disempurnakan (balasan pahalanya) kepada kamu, dan (balasan baik) kamu (itu pula) tidak dikurangkan (al-Baqarah, 2: 272).

Dalam ayat ini, kalimah ما تنفقون (*mÉ tunfiqËn*) dan ما تنفقوا (*mÉ tunfiqË*) disebut berselangan dalam ayat yang sama. Pembaca yang memahami nahu Arab mampu membezakan hal ini dengan mudah berdasarkan penggunaan huruf *mÉ* dan hukum yang bersangkutan dengannya; sama ada *mÉ* sebagai *ism mau'lul* atau *mÉ* sebagai *adÉt sharÍ*. Dalam konteks penghafaz al-Quran, mereka bukan sahaja membaca al-Quran, malah berusaha untuk menyimpan al-Quran dalam ingatan mereka. Dengan memahami nahu, mereka boleh menghafaz dengan lebih cepat kerana memahami ayat al-Quran yang dibaca dengan mudah tanpa perlu merujuk terjemahan al-Quran. Oleh itu, sekiranya pelajar tahfiz mempunyai pengetahuan bahasa Arab termasuk nahu, mereka tidak mengambil masa yang lama untuk merungkaikan kekeliruan yang timbul sekaligus mampu mengekodkan bacaan dalam memori mereka dalam tempoh yang lebih singkat (al-Zawawi, 2010). Dalam erti kata lain, pengetahuan nahu dipercayai boleh menjadi strategi menghafaz yang berkesan terutama dalam mengatasi kekeliruan antara perkataan dan ayat al-Quran yang serupa.

Proses menghafaz yang disertai dengan kefahaman serta kebolehan membezakan kekeliruan yang berlaku boleh menerbitkan rasa bermakna (*meaningful*) dalam melakukan tugas. Daripada perasaan tersebut, sudah pasti akan terbina suatu unsur positif yang lain, seperti perasaan seronok menghafaz al-Quran. Keseronokan menghafaz merupakan satu anugerah yang sukar dimiliki, bahkan menjadi kunci kepada amalan hafazan yang berterusan kerana motivasi dalaman ini mampu mendorong seseorang pelajar untuk menghafaz secara konsisten tanpa dipaksa. Dalam hal ini, para sarjana membuktikan bahawa motivasi dalaman yang berkaitan dengan keseronokan melakukan sesuatu tugas sangat penting dalam apa jua proses pembelajaran (Ryan & Deci, 2000; Taylor et al., 2014). Oleh itu, keseronokan menghafaz disebabkan kefahaman yang terhasil daripada pengetahuan ilmu nahu Arab menjadikan ilmu ini penting untuk dipelajari oleh pelajar tahfiz.

## **ISU DALAM KAJIAN NAHU DAN TAHFIZ**

Tinjauan persuratan lepas mendapati, walaupun bidang tahfiz al-Quran telah mendapat perhatian para penyelidik di Malaysia sejak sedekad yang lalu (Abdul Hafiz et al., 2005) namun kajian yang menghubungkannya dengan aspek bahasa Arab, khususnya ilmu nahu terlalu sedikit. Kajian yang telah dijalankan banyak memberikan tumpuan kepada kaedah yang digunakan oleh institusi tahfiz di Malaysia, seperti kaedah Turki, Panipati, Deobandi dan beberapa kaedah lain (Sedek & Zulkifli, 2015), hubungan kaedah dengan pencapaian (Azmil, 2015), serta aspek peneguhan dan ganjaran yang dilaksanakan di sekolah tahfiz (Mohamad Khairudin et al., 2014).

Antara kajian yang memfokuskan aspek nahu dalam hafazan al-Quran ialah kajian Abdul Hafiz et al. (2005). Dapatan kajian menunjukkan majoriti pelajar tahfiz tidak bersetuju bahawa kurang kemahiran nahu menjadi faktor kesukaran menghafaz. Persepsi sedemikian diperoleh daripada subjek kajian tersebut yang tidak homogenus memandangkan mereka terdiri daripada pelajar tingkatan satu hingga diploma yang kebanyakannya tidak mempunyai asas pengetahuan bahasa Arab. Faktor kekurangan pengetahuan nahu yang dikuasai berkemungkinan menyebabkan persepsi mereka terhadap kepentingan nahu dalam menghafaz adalah rendah. Ini berbeza dengan kajian (Muhammad & Che Noraini, 2014) yang mendapati terdapat perkaitan secara tidak langsung antara nahu dengan hafazan. Kajian mereka merupakan rentetan daripada kajian mereka yang memfokuskan hafazan dan tafsir al-Quran yang diajar menggunakan bahasa Arab. Malah, satu kajian turut merekodkan bahawa pengetahuan nahu Arab membantu segelintir penghafaz al-Quran dalam proses menghafaz disebabkan mereka mudah memahami makna dan seronok untuk terus menghafaz (Zarina, 2014).

Selain itu, kajian turut mendapati ramai pelajar tahfiz tidak berusaha untuk memahami ayat al-Quran yang dibaca (Azmil, 2015). Masalah ini boleh ditafsirkan sebagai tidak berusaha merujuk terjemahan al-Quran atau tidak mempunyai pengetahuan nahu dan ilmu bahasa Arab yang mencukupi untuk memahami ayat yang dibaca. Malah, masalah ini berkemungkinan berpunca daripada ketiadaan faktor motivasi dalam proses menghafaz selain matlamat pelajar yang hanya menumpukan usaha untuk menamatkan hafazan al-Quran semata-mata.

Dapatan kajian lepas yang tidak konsisten berkaitan dengan aspek kepentingan nahu dalam hafazan telah menjadi lompong yang menuntut pelaksanaan kajian lanjutan berhubung dengan kepentingan ini. Apatah lagi, kepentingan nahu Arab dalam pembelajaran al-Quran telah ditegaskan oleh ulama silam, ditambah pula dengan kekurangan kajian lepas dalam konteks tahfiz. Oleh itu, kajian ini akan memberikan tumpuan kepada persepsi para pelajar tahfiz mengenai kepentingan ilmu nahu Arab dalam proses hafazan al-Quran. Justeru, kajian ini akan memfokuskan tiga perkara berikut; iaitu:

- i) Mengesahkan item yang dibina berkaitan dengan kepentingan nahu dalam pembelajaran tahfiz.
- ii) Mengenalpasti konstruk kepentingan nahu dalam hafazan al-Quran.
- iii) Mengenalpasti persepsi pelajar tahfiz terhadap kepentingan nahu Arab dalam pembelajaran tahfiz.

## **RANGKA KERJA KONSEP KAJIAN**

Berdasarkan perbincangan lepas, rangka kerja konsep kajian ini telah dibina melibatkan tiga (3) aspek utama; iaitu skemata nahu, motivasi dan strategi mengingat yang dijangkakan mampu meningkatkan tahap serta mutu hafazan para penghafaz al-Quran.


Dalam banyak tinjauan persuratan Barat, walaupun aspek nahu tidak dihubungkan secara langsung dalam konteks pembelajaran bahasa, namun aspek itu telah dibincangkan dengan menggunakan pendekatan skemata sebagai salah satu faktor yang mempengaruhi pembelajaran (Carrell, 1987; Khanam, 2014). Skemata didefinisikan sebagai pengetahuan lepas atau pengetahuan sedia ada seseorang; termasuk pengalaman, bahasa, dan sebagainya, yang boleh mempengaruhi persepsi dan pencapaian dalam perkara yang berkaitan (Carrell, 1987; Hu, 2012). Selain membentuk persepsi yang lebih baik, pengetahuan lepas juga boleh mempengaruhi memori jika diaktifkan dengan berkesan (Brod, Werkle-Bergner, & Shing, 2013). Kajian dalam pembelajaran bahasa Arab di Malaysia menunjukkan pelajar yang mempunyai skemata bahasa Arab pada peringkat sekolah menengah mempunyai persepsi yang positif terhadap pembelajaran bahasa Arab di universiti (Ghazali, Nik Mohd Rahimi, & Parilah, 2010b). Jika dikaitkan dengan konteks hafazan, pelajar tahfiz yang mempunyai latar belakang pendidikan bahasa Arab, atau secara lebih khusus skemata nahu, dipercayai boleh meningkatkan fungsi memori untuk memahami dan mengingat al-Quran dengan lebih baik.

Namun begitu, bersandarkan skemata semata-mata tidak memadai untuk membentuk persepsi yang positif dan seterusnya meningkatkan peranan memori. Dalam hal ini, para sarjana telah membuktikan bahawa motivasi turut berperanan. Kajian Ghazali et al. (2010a) mendapati motivasi pelajar dalam mempelajari bahasa Arab dipengaruhi oleh latar belakang pelajar sebagai seorang muslim. Ini kerana mereka telah terdedah kepada amalan keagamaan yang melibatkan penggunaan bahasa Arab secara tidak langsung. Dengan kata lain, pengetahuan dan amalan sedia ada yang melibatkan bahasa Arab mampu meningkatkan motivasi diri seseorang pelajar untuk mendalami bahasa Arab kerana kedua-duanya saling berkait. Dalam konteks hafazan pula, pelajar yang berpengetahuan Arab atau nahu dijangka memiliki motivasi untuk menghafaz al-Quran disebabkan kefahaman yang dikuasai mereka kerana al-Quran diturunkan dalam bahasa Arab.

Secara umumnya motivasi dibincangkan dalam dua aspek yang bebezanya, iaitu intrinsik dan ekstrinsik. Motivasi ekstrinsik merupakan faktor pendorong luaran yang menggalakkan proses pembelajaran seperti ganjaran, penghargaan dan sebagainya, manakala motivasi intrinsik dikaitkan dengan faktor dalaman pelajar sendiri, seperti keseronokan, minat, berasa kompeten dan berfikir positif (Ryan & Deci, 2000). Rasa minat dan keseronokan belajar dicadangkan agar diberi lebih keutamaan kerana terbukti mampu meningkatkan penglibatan pelajar dalam aktiviti pembelajaran (Taylor et al., 2014). Dengan tidak menafikan elemen peneguhan seperti ganjaran untuk pelajar tahfiz sebagai satu motivasi, kajian ini lebih memfokuskan persepsi pelajar tentang motivasi intrinsik; iaitu keseronokan menghafaz al-Quran dan semangat melakukannya berdasarkan pengetahuan nahu yang menjadi fokus kajian.

Apabila membincangkan faktor motivasi, pada hakikatnya, motivasi turut dikaitkan dengan peranannya yang amat berkesan dalam penggunaan strategi belajar (Oxford & Nyikos, 1989). Kajian dalam pembelajaran bahasa Arab di Malaysia membuktikan pelajar yang memiliki motivasi yang tinggi lebih kerap menggunakan strategi serta mampu mempelbagaikan penggunaannya dalam proses pembelajaran mereka (Kamarul Shukri & Mohamed Amin, 2009). Jika dikaitkan dengan menghafaz al-Quran, mereka yang bermotivasi tinggi dipercayai mampu menggunakan bermacam-macam strategi mengingat dengan kekerapan yang tinggi.

Berdasarkan skemata nahu, motivasi dan strategi mengingat yang membentuk rangka kerjakesep kajian yang telah dijelaskan tadi, pengetahuan nahu Arab dijangkakan mempunyai kepentingan dalam pembelajaran hafazan sama ada sebagai medium yang mencetuskan motivasi belajar ataupun sebagai strategi memudahkan hafazan. Rajah 1 menggambarkan rangka kerja konsep yang digunakan dalam kajian ini.



RAJAH 1. Rangka Kerja Konsep

## REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan dengan instrumen soal selidik untuk mengetahui persepsi pelajar terhadap konstruk yang dikaji. Satu set soal selidik yang mengandungi 13 item dengan skala Likert 1-5 telah dibina untuk meninjau persepsi penghafaz al-Quran terhadap kepentingan nahu Arab dalam pembelajaran hafazan. Memandangkan item ini belum dipastikan kesahan dan kebolehpercayaannya, pengkaji telah melakukan ujian kesahan dan kebolehpercayaan.

## POPULASI KAJIAN

Populasi kajian ini merupakan pelajar institusi pengajian tinggi yang telah dan sedang menghafaz al-Quran dengan syarat mempunyai pengetahuan nahu Arab sekurang-kurangnya pada tahap Sijil Pelajaran Malaysia. Syarat ini ditetapkan untuk memastikan semua responden mempunyai latar belakang yang sama, iaitu mempunyai pengetahuan bahasa Arab dan menghafaz al-Quran. Pemilihan kumpulan adalah secara homogen berasaskan teknik persampelan bertujuan bagi tujuan mendapatkan sekumpulan subjek yang memiliki ciri-ciri yang sama (Creswell, 2008).

Soal selidik menggunakan borang *Google* dan disebarikan melalui medium *WhatsApp* daripada satu kumpulan pelajar tahfiz kepada kumpulan-kumpulan yang lain. Oleh kerana teknik persampelan bertujuan dan persampelan bukan kebarangkalian digunakan, maka dapatan kajian ini tidak boleh digeneralisasikan. Seramai 109 orang responden terlibat dalam kajian ini. 72.5% daripada mereka sedang berada dalam tahun pertama dan kedua pengajian di 15 buah universiti awam dan swasta dalam negara, serta enam (6) buah universiti luar negara. 57.8% daripada mereka ialah pelajar UIAM, 32.1% merupakan pelajar di 14 universiti tempatan yang lain, manakala selebihnya 10.1% ialah pelajar Malaysia yang sedang menuntut di Jordan, Mesir dan Rusia. Jumlah pelajar perempuan membentuk dua pertiga ( $\frac{2}{3}$ ) daripada keseluruhan responden iaitu 76.1% (N=83), manakala selebihnya merupakan responden lelaki 23.9% (N=26). 70.6% daripada responden telah menghafaz 30 juzuk al-Quran, manakala selebihnya telah menghafaz antara 1 (satu) hingga 28 juzuk al-Quran. Dari sudut keputusan bahasa Arab pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia, 89% daripada mereka mendapat keputusan cemerlang dengan masing-masing 45.0% (N=49) mendapat gred A+ (cemerlang tertinggi), 23.9% (N=26) mendapat gred A (cemerlang tinggi), 20.1% (N=22) mendapat gred A-(cemerlang), manakala bakinya 11.0% (N=12) mendapat keputusan di antara gred B+ dengan C+.

## KESAHAN

Kesahan item merupakan perkara utama yang dipastikan sebelum kajian tinjauan menggunakan item soal selidik dijalankan. Bagi kajian ini, item instrumen untuk mengukur kepentingan nahu dalam hafazan telah dibina. Instrumen ini telah disemak oleh dua orang

pakar, masing-masing dalam bidang bahasa Arab dan hafazan al-Quran untuk menentukan kesahan muka. Setelah beberapa item digugurkan, ditambah dan dimurnikan, sejumlah 15 item dihasilkan. Kajian ini menggunakan analisis faktor dengan Kaedah Komponen Prinsipal (*Principal Component Analysis*) untuk tujuan kesahan konstruk. Faktor yang dimaksudkan dalam konteks analisis faktor merujuk kepada kumpulan atau rumpun mengandungi variabel yang saling berhubungan (Pallant, 2005). Dengan kaedah ini, pembina skala boleh memperbaiki dan mengurangkan bilangan item untuk membentuk bilangan subskala koheren yang lebih kecil.

Bilangan sampel untuk memenuhi prasyarat melakukan analisis faktor adalah berbeza-beza, misalnya sekurang-kurangnya 300 sampel, 150 sampel atau menggunakan skala 10:1, iaitu 10 sampel bagi 1 item dan lain-lain (Tabachnick & Fidell, 2010). Walau bagaimanapun, kajian ini menerima pakai skala 5:1; iaitu 5 sampel bagi setiap item yang dikira memadai dalam banyak kajian (lihat perbincangan dalam Tabachnick & Fidell, 2010). Saiz sampel kajian ini; iaitu 109 orang dikira melebihi kadar minimum bagi jumlah item 15 ( $5 \times 15 = 75$ ) dan memenuhi syarat analisis faktor dijalankan. Terdapat beberapa langkah atau subujian dalam melakukan analisis faktor:

- a) Menilai kesesuaian data untuk melakukan analisis faktor, iaitu dengan menyusun Matrik Korelasi. Matrik ini menunjukkan hubungan antara variabel. Nilai korelasi yang tinggi atau signifikan menunjukkan bahawa variabel-variabel tersebut berhubungan erat (minimum 0.3, pada tahap signifikan 95%). Bagi kajian ini, semua variabel menunjukkan matrik korelasi antara 0.308 hingga 1.000, kecuali matrik antara item 'wajib belajar nahu' dengan 'nahu penting untuk mengingat semula hafazan', iaitu 0.289. Hampir semua item saling berhubungan antara satu sama lain sekaligus menunjukkan kesesuaian pelaksanaan analisis faktor. Selain itu, KMO *measure of sampling adequacy*, iaitu indikator untuk mengukur kesesuaian melakukan analisis faktor turut digunakan dengan minimum 0.6 (Tabachnick & Fidell, 2010). Indeks bagi kajian ini ialah 0.923, yang menunjukkan bahawa sampel adalah mencukupi untuk menyokong PCA dijalankan. Ujian Bartlett pula mendapati chi-square=1362,  $p=0.000$  seperti ditunjukkan dalam Jadual 1. Keputusan ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara semua item. Oleh itu, analisis faktor sesuai dijalankan.

JADUAL 1. Ujian KMO dan Bartlett

<b>Kaiser-Meyer-Olkin Measure of Sampling Adequacy</b>		<b>0.923</b>
Bartlett's Test of Sphericity	Approx. Chi-Square	1362.323
	Df	105
	Sig.	0.000

- b) Mengekstrak faktor. Kaedah ini digunakan untuk menjawab soalan kajian kedua, iaitu mengenal pasti konstruk kepentingan nahu dalam pembelajaran hafazan. Kaedah Komponen Prinsipal dan Teknik Putaran Varimax digunakan bagi tujuan mengekstrak faktor; iaitu mengenal pasti bilangan faktor (konstruk) yang terkandung dalam set variabel kajian. Komponen yang mempunyai nilai Eigenvalue 1.0 atau lebih menurut kriteria Kaiser, dikira memenuhi kriteria (Pallant, 2005). Bagi kajian ini, dua komponen telah diekstrak yang bermaksud dua konstruk telah dikeluarkan daripada 15 item yang diuji, dengan jumlah varian 70.4% seperti ditunjukkan dalam Jadual 2.

JADUAL 2. Total Variance Explained

<b>Komponen</b>	<b>Jumlah Eigenvalues Awal</b>	<b>Varian %</b>	<b>Kumulatif %</b>
1	9.040	60.269	60.269
2	1.518	10.117	70.386



- c) Menginterpretasikan komponen. Setelah dua komponen (konstruk) diperoleh menggunakan Teknik Putaran Varimax, pengkaji perlu mentafsir rumpun item tersebut dan melabelkannya. Putaran faktor tidak mengubah kandungan di sebalik variabel tetapi menghasilkan corak *loading* bagi item-item untuk memudahkan rumpun variabel atau komponen itu ditafsirkan (Pallant, 2005). Jadual 3 menunjukkan Matriks Putaran Komponen.

JADUAL 3. Matriks Putaran Komponen

Item	Komponen	
	1	2
Pengetahuan nahu Arab amat membantu ketika proses menghafaz	.465	.702
Pengetahuan saya dalam nahu Arab menguatkan semangat saya untuk menghafaz al-Quran	.522	.612
Saya seronok menghafaz al-Quran dengan memahami nahu Arab	.571	.583
Pengetahuan nahu Arab membantu saya mempercepat tempoh hafazan	.697	.529
Saya memahami ayat al-Quran apabila menggunakan nahu Arab	.712	
Pengetahuan nahu Arab memudahkan saya untuk mengingat susunan perkataan dalam sesuatu ayat al-Qur'an	.718	
Pengetahuan nahu Arab memudahkan saya untuk mengingat sebutan perkataan	.727	
Saya yakin hafazan lebih bermakna dengan memahami nahu Arab		.740
Saya yakin nahu Arab merupakan ilmu asas untuk memahami al-Quran		.787
Apabila menghafaz sesuatu ayat untuk kali pertama, saya akan menggunakan pengetahuan nahu Arab	.796	
Saya yakin semua pelajar tahfiz wajib mempelajari nahu Arab		.808
Pengetahuan nahu Arab amat membantu ketika mengingat semula ayat yang telah dihafaz	.828	
Saya yakin pengetahuan nahu Arab sangat perlu untuk menghafaz al-Quran		.839
Pengetahuan nahu Arab memudahkan saya menghafaz ayat-ayat yang hampir serupa ( <i>mutashÉbihÉt</i> )	.842	
Pengetahuan nahu Arab memudahkan saya menghafaz ayat-ayat yang sukar	.874	

*Kaedah Ekstraksi: Analisis Komponen Prinsipal*

*Kaedah Putaran: Varimax dengan Normalisasi Kaiser*

Oleh sebab terdapat item yang bertindan dalam dua komponen, bacaan yang lebih tinggi dijadikan ukuran pengelompokan. Oleh itu, item 'pengetahuan nahu Arab membantu saya mempercepat tempoh hafazan' dikelompokkan dalam komponen pertama menjadikan komponen ini terdiri daripada 8 item. Pengkaji melabelkan komponen pertama sebagai 'kepentingan nahu sebagai strategi hafazan' dengan mengambil kira kefahaman terhadap al-Quran, menggunakan nahu untuk menghafaz kali pertama, membantu mengingat semula, memudahkan hafazan ayat serupa (*mutashÉbihÉt*) dan menghafaz ayat sukar, memudahkan usahamengingat sebutan perkataan dan mengingat susunan perkataan sebagai strategi menghafaz.

Seterusnya, item 'pengetahuan nahu Arab amat membantu ketika proses menghafaz', 'pengetahuan saya dalam nahu Arab menguatkan semangat saya untuk menghafaz al-Quran', dan 'saya seronok menghafaz al-Quran dengan memahami nahu Arab' dimasukkan ke dalam komponen kedua menjadikan komponen ini terdiri daripada 7 item. Konstruk kedua ini dilabelkan sebagai 'kepentingan nahu Arab sebagai faktor motivasi'. Pelabelan sedemikian diberikan kerana mengambil kira nahu Arab sebagai pencetus semangat untuk menghafaz, menjadikan hafazan lebih bermakna, dan memberikan keseronokan ketika menghafaz al-Quran dengan menjadikannya ilmu asas yang perlu dipelajari oleh pelajar tahfiz. Kesimpulannya, dapatan ujian analisis faktor menunjukkan bahawa item-item yang digunakan dalam soal selidik ini memenuhi syarat kesahan.

### KEBOLEHPERCAYAAN

Kajian ini menggunakan ukuran yang biasa digunakan untuk mengukur kebolehpercayaan skala, iaitu alfa Cronbach ( $\alpha$ ). Nilai yang ditunjukkan ialah 0.897 bagi skala konstruk pertama, iaitu 'kepentingan pengetahuan nahu Arab sebagai strategi hafazan' dan 0.936 bagi konstruk kedua, iaitu 'kepentingan pengetahuan nahu Arab sebagai faktor motivasi hafazan'. Nilai melebihi 0.7 berdasarkan koefisien alfa Cronbach menunjukkan bahawa skala yang digunakan mempunyai ketekalan dalaman dan boleh dipercayai terhadap sampel kajian. Jadual 4 menunjukkan nilai alfa Cronbach bagi item-item kajian.

JADUAL 4. Alfa Cronbach bagi Analisis 2-faktor

<b>Faktor</b>	<b>Alfa Cronbach</b>
Kepentingan pengetahuan nahu sebagai strategi hafazan	0.936
Kepentingan pengetahuan nahu sebagai faktor motivasi	0.897

Analisis deskriptif dilakukan menggunakan perisian SPSS terhadap kedua-dua konstruk yang telah dikenalpasti. Statistik deskriptif yang digunakan ialah min, sisihan piawai dan peratusan. Pengkaji menghuraikan analisis deskriptif ini menggunakan jadual interpretasi min seperti dalam Jadual 5.

JADUAL 5. Interpretasi Min Dimensi Tingkah Laku Afektif

<b>Skor Min</b>	<b>Interpretasi</b>
4.01-5.00	Tinggi
3.01-4.00	Sederhana tinggi
2.01-3.00	Sederhana rendah
1.00-2.00	Rendah

### KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini membincangkan fokus kajian yang ketiga, iaitu mengenal pasti persepsi pelajar tahfiz terhadap kepentingan nahu dalam hafazan al-Quran. Dapatan fokus kajian yang pertama dan kedua telah dihuraikan dalam bahagian metodologi. Terdapat dua kepentingan nahu dalam hafazan al-Quran berdasarkan analisis faktor yang telah dijalankan apabila item-item yang dibina telah dikelompokkan kepada dua konstruk, iaitu kepentingan pengetahuan nahu sebagai faktor motivasi untuk menghafaz al-Quran dan kepentingannya sebagai strategi hafazan al-Quran.

Untuk menjawab soalan ketiga, analisis deskriptif dihuraikan mengikut konstruk masing-masing; iaitu konstruk kepentingan nahu sebagai faktor motivasi dan kepentingannya sebagai strategi hafazan.

#### a) Kepentingan Pengetahuan Nahu sebagai Faktor Motivasi

Secara keseluruhan, min bagi konstruk kepentingan pengetahuan nahu sebagai faktor motivasi menurut persepsi pelajar tahfiz ialah 4.18 dengan sisihan piawai 0.71, iaitu berada pada tahap tinggi. Jadual 6 menunjukkan semua item di bawah konstruk ini berada di antara min 4.04 hingga 4.42; iaitu pada tahap yang tinggi, kecuali item 'menguatkan semangat untuk menghafaz' yang berada pada tahap sederhana tinggi (min=3.99, S.P=0.93). Ini menunjukkan bahawa persepsi pelajar tahfiz terhadap keperluan belajar nahu dan kepentingan nahu sebagai faktor motivasi secara umumnya adalah tinggi.

JADUAL 6. Kepentingan Nahu sebagai Faktor Motivasi (N=109)

Item	Min	S.P	Interpretasi
Seronok menghafaz al-Quran	4.18	0.94	Tinggi
Hafazan lebih bermakna	4.42	0.80	Tinggi
Nahu perlu untuk hafazan	4.19	0.88	Tinggi
Pelajar tahfiz wajib belajar nahu	4.13	0.88	Tinggi
Nahu sebagai ilmu asas hafazan	4.28	0.78	Tinggi
Menguatkan semangat untuk menghafaz	3.99	0.93	Sederhana tinggi
Membantu proses menghafaz	4.04	0.93	Tinggi
Min keseluruhan	4.18	0.71	Tinggi

Dapatan ini disokong oleh peratus persetujuan yang ditunjukkan oleh responden kajian. Mereka yang bersetuju dan sangat bersetuju dengan semua item dalam konstruk ini melebihi 70% daripada keseluruhan responden (N=109). Ini memberikan gambaran bahawa majoriti responden kajian yang merupakan pelajar tahfiz pada peringkat pengajian tinggi dan mempunyai latar belakang pendidikan bahasa Arab bersetuju bahawa pengetahuan nahu boleh menjadikan mereka seronok menghafaz al-Quran, menjadikan hafazan mereka lebih bermakna dan menguatkan semangat mereka untuk menghafaz, kerana semua perkara ini membantu mereka ketika menghafaz al-Quran. Sehubungan dengan itu, mereka juga bersetuju bahawa nahu adalah perlu dan wajib dipelajari oleh pelajar tahfiz seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 7.

JADUAL 7. Peratusan Persetujuan Pelajar Tahfiz terhadap Kepentingan Nahu sebagai Motivasi Hafazan (N=109)

	Seronok menghafaz	Hafazan bermakna	Nahu perlu	Wajib belajar	Ilmu asas	Beri semangat	Bantu hafaz
Sangat setuju	45.0	56.0	45.0	42.2	45.0	35.8	37.6
Setuju	35.8	34.9	33.0	32.1	39.4	33.9	35.8
Sederhana setuju	14.7	5.5	19.3	22.0	14.7	23.9	19.3
Tidak setuju	1.8	2.8	1.8	3.7	0	6.4	7.3
Sangat tidak setuju	2.8	0.9	0.9	0	0.9	0	0

Peratus persetujuan yang paling tinggi dicatat oleh responden ialah item ‘pengetahuan nahu menjadikan hafazan bermakna’ iaitu sebanyak 90.9%. Ini menunjukkan bahawa para penghafaz yang mempunyai pengetahuan bahasa Arab melihat hafazan yang disertai pengetahuan ilmu nahu sebagai sesuatu yang bermakna kepada mereka. Pernyataan ini boleh ditafsirkan bahawa responden kajian ini melihat hafazan sebagai perkara yang penting dan berguna kerana mereka dapat memahami mesej yang disampaikan dalam sesuatu ayat yang dibaca. Memang tidak dinafikan, kefahaman mendalam terhadap al-Quran mesti disertai dengan pengetahuan ilmu tafsir, namun sekurang-kurangnya penghafaz boleh menanggapi maksud umum ayat al-Quran yang dibaca melalui penguasaan ilmu nahu Arab. Kewujudan keyakinan bahawa perbuatan menghafaz al-Quran merupakan sesuatu yang penting dan bermakna merupakan satu peramal terbaik kepada pencapaian hafazan kerana kajian dalam aspek motivasi telah membuktikan bahawa motivasi intrinsik seperti kepercayaan pelajar terhadap nilai tugas yang dilakukan boleh mencetuskan semangat untuk belajar dan seterusnya meningkatkan pencapaian (Ryan & Deci, 2000).

Daripada perasaan bermakna, terbina pandangan positif yang lain seperti perasaan seronok menghafaz al-Quran yang turut mendapat peratus persetujuan yang tinggi (80.8%). Keseronokan menghafaz merupakan satu anugerah yang sukar dimiliki, bahkan menjadi kunci kepada amalan hafazan yang berterusan kerana ia mendorong pelajar melakukannya secara konsisten tanpa dipaksa. Dapatan kajian ini bercanggah dengan kajian Abdul Hafiz et

al. (2005) yang mendapati separuh (49.4%, n=389) pelajar yang dikaji tidak merasai nikmat membaca dan menghafaz al-Quran. Motivasi dalaman yang berkaitan dengan keseronokan melakukan tugas sangat penting dalam apa-apa sahaja proses pembelajaran (Ryan & Deci, 2000; Taylor et al., 2014). Oleh itu, keseronokan menghafaz disebabkan mengetahui ilmu nahu Arab menjadikan ilmu ini penting dipelajari oleh pelajar tahfiz. Motivasi intrinsik seperti keseronokan melakukan tugas perlu dimiliki kerana tugas menghafaz al-Quran bukanlah perkara mudah memandangkan ayat-ayat yang dihafaz mudah hilang daripada ingatan, seperti yang diumpamakan oleh Rasulullah SAW dengan unta yang mudah terlucut dari ikatan tuannya jika tidak dikawal. Daripada Ibn Umar r.a. bahawa Nabi Muhammad SAW bersabda yang bermaksud:

*“Sesungguhnya perumpamaan orang yang menghafaz al-Quran seperti pemilik unta yang terikat, jika ia terus menjaganya maka ia dapat terus memegangnya, dan jika ia lepaskan maka ia akan segera hilang.”*

*(Riwayat al-Bukhari no. 4743; Muslim no. 789)*

Kajian ini juga mendapati lebih 90% pelajar bersetuju bahawa pengetahuan nahu memberikan kekuatan semangat kepada mereka untuk menghafaz al-Quran. Tugas menghafaz al-Quran sememangnya memerlukan semangat dan motivasi diri yang kuat dalam diri pelajar kerana ia melibatkan penyimpanan maklumat yang banyak serta tepat dalam stor ingatan. Pengetahuan nahu boleh membantu melalui keyakinan diri mereka bahawa kebolehan dan pengetahuan yang ada untuk diaplikasikan dalam proses menghafaz. Proses mengingat yang sukar mungkin boleh dimudahkan melalui penggunaan prinsip nahu yang diketahui. Dengan ini, mereka seharusnya sentiasa bersemangat dan mempunyai kesungguhan untuk terus menghafaz al-Quran.

#### b) Kepentingan Nahu sebagai Strategi Hafazan

Konstruk ‘kepentingan nahu sebagai strategi hafazan’ mendapat min keseluruhan yang sederhana tinggi; iaitu 3.83 dengan sisihan piawai 0.84. Semua item berada di antara min 3.48 dengan 3.94. Dapatan ini menunjukkan bahawa persepsi pelajar terhadap kepentingan nahu dari aspek penggunaannya sebagai teknik atau strategi menghafaz adalah sederhana tinggi seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 8.

JADUAL 8. Kepentingan Pengetahuan Nahu sebagai Strategi Hafazan

Item	Min	S.P	Interpretasi
Membantu memahami al-Quran	3.82	0.99	Sederhana tinggi
Membantu cepat menghafaz	3.92	0.97	Sederhana tinggi
Berguna untuk hafaz kali pertama	3.48	1.10	Sederhana tinggi
Membantu mengingat semula	3.94	0.97	Sederhana tinggi
Memudahkan hafaz ayat <i>mutashÉbihÉt.</i>	3.92	0.98	Sederhana tinggi
Memudahkan hafaz ayat sukar	3.83	0.97	Sederhana tinggi
Memudahkan ingat sebutan perkataan	3.91	0.97	Sederhana tinggi
Memudahkan ingat susunan perkataan	3.81	1.03	Sederhana tinggi
Min keseluruhan	3.83	0.84	Sederhana tinggi

Persepsi terhadap kepentingan nahu dalam aspek strategi dijelaskan oleh kadar persetujuan pelajar terhadap item-item berkenaan. Data menunjukkan taburan tahap persetujuan sederhana setuju, setuju dan sangat bersetuju adalah hampir sama antara satu sama lain. Selain itu, data juga menunjukkan hanya segelintir responden (kurang 10%) tidak bersetuju bahawa pengetahuan nahu membantu mereka sebagai strategi menghafaz al-Quran, kecuali bagi item ‘nahu membantu untuk hafaz kali pertama’ yang mendapati 21.1% tidak bersetuju, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 9.

JADUAL 9. Peratusan Persetujuan Pelajar Tahfiz terhadap Kepentingan Nahu sebagai Strategi Hafazan (N=109)

	Faham al-Quran	Cepat hafaz	Hafaz kali pertama	Mengingat semula	Ayat <i>mutashÉbihÉt</i>	Ayat Sukar	Sebut perkataan	Susunan perkataan
Sangat setuju	28.4	30.3	21.1	33.9	33.0	29.4	29.4	29.4
Setuju	34.9	41.3	29.4	33.9	34.9	33.0	42.2	34.9
Sederhana setuju	29.4	21.1	28.4	25.7	24.8	29.4	21.1	25.7
Tidak setuju	4.6	4.6	18.3	4.6	5.5	7.3	4.6	7.3
Sangat tidak setuju	2.8	2.8	2.8	1.8	1.8	0.9	2.8	2.8

Daripada data yang ditunjukkan, lebih 50% daripada responden bersetuju bahawa pengetahuan nahu telah membantu mereka memahami al-Quran, mempercepat hafazan, mengingat semula ayat yang telah dihafaz, memudahkan untuk menghafaz ayat sukar dan ayat yang serupa (*mutashÉbihÉt*) serta mengingat sebutan dan susunan perkataan dalam al-Quran. Hal ini memberikan gambaran bahawa ilmu nahu jika diaplikasikan dengan betul dan strategik, boleh memberikan natijah yang baik terhadap pencapaian hafazan,

Kajian ini juga menunjukkan kefahaman terhadap al-Quran yang berasaskan pengetahuan nahu menjadi satu langkah awal dalam memudahkan hafazan. Dapatan ini bercanggah dengan hasil kajian Abdul Hafiz et al. (2005) yang mendapati pelajar tahfiz tidak bersetuju bahawa kekurangan pengetahuan nahu menjadi faktor sukar menghafaz al-Quran. Demikian juga, majoriti pelajar bersetuju bahawa pengetahuan nahu membantu mereka ketika menghafaz ayat yang sukar dan mengelirukan. Hal ini sangat penting kerana di dalam al-Quran terdapat banyak ayat yang hampir sama (al-Zawawi, 2010). Teknik membaca ayat *mutashÉbihÉt* secara berulang-ulang kali seperti yang dilakukan oleh kebanyakan pelajar tahfiz (Abdul Hafiz et al., 2005) boleh digandingkan dengan bantuan pengetahuan nahu untuk memendekkan tempoh menghafaz.

Walaupun responden kajian berkeyakinan tinggi bahawa pengetahuan nahu menjadikan hafazan lebih bermakna, menimbulkan keseronokan, menguatkan semangat, dan seterusnya berpandangan ilmu nahu perlu dan wajib dipelajari seperti yang ditunjukkan dalam aspek motivasi, namun dari aspek amalan dan penggunaan, pengetahuan nahu mereka masih berada pada tahap sederhana berbanding dengan keyakinan yang dizahirkan. Ini memberikan gambaran bahawa keyakinan yang tinggi terhadap keperluan ilmu nahu belum diterjemahkan sepenuhnya dalam bentuknya yang praktikal. Pada pandangan pengkaji, hal ini mungkin disebabkan oleh pengetahuan nahu yang ada pada pelajar tahfiz belum mencukupi untuk mendorong mereka memanfaatkannya dalam proses hafazan. Selain itu, para pelajar juga berkemungkinan kurang berkemahiran dalam mengaplikasikan pengetahuan nahu sedia ada semasa menghafaz al-Quran.

## KESIMPULAN

Setelah soal selidik dan analisis faktor dijalankan, kajian ini mencadangkan kepentingan nahu dikategorikan kepada dua bahagian dalam konteks hafazan al-Quran, iaitu kepentingan sebagai faktor motivasi dan kepentingannya sebagai strategi hafazan. Dapatan menunjukkan majoriti responden kajian yang berlatarkan pendidikan bahasa Arab bersetuju dan yakin bahawa pengetahuan nahu boleh membantu mereka dalam menghafaz al-Quran. Nahu Arab boleh meningkatkan motivasi mereka untuk menghafaz al-Quran kerana dengan mengetahui

ilmu ini mereka menghafaz dengan perasaan seronok dan bersemangat, di samping hafazan menjadi lebih bermakna.

Dengan tidak menafikan keperluan kaedah hafazan lain yang telah dikenalpasti, seperti *talaqqi-mushÉfahah*, *tikrÉr* dan lain-lain, pengetahuan nahu juga patut dilonjakkan sebagai sebahagian daripada strategi pembelajaran tahfiz. Sehubungan dengan itu, pihak yang berkaitan sama ada pihak institusi tahfiz mahupun kalangan penyelidik dan pengajar bahasa Arab harus memberikan perhatian kepada perkara ini agar pengintegrasian kurikulum bahasa Arab dan Tahfiz al-Quran dapat dipastikan sekaligus memberikan manfaat kepada pelajar.

Walau bagaimanapun, kajian ini hanya mengkaji persepsi umum pelajar berkenaan dengan fungsi dan peranan pengetahuan nahu. Kajian lanjutan tentang strategi yang digunakan perlu dilakukan sama ada menggunakan instrumen pemerhatian, temu bual atau menggunakan kaedah pemikiran verbal (*think aloud*) untuk mendapatkan maklumat secara lebih mendalam. Kajian ini juga hanya menfokuskan pengetahuan nahu, dan tidak mencakup aspek linguistik bahasa yang lain seperti morfologi, retorik dan leksikal bahasa Arab. Oleh hal yang demikian, kajian yang menghubungkan bahasa Arab dengan pembelajaran tahfiz wajar dilakukan untuk meningkatkan mutu pendidikan tahfiz, menonjolkan kefungsian bahasa Arab dalam pelbagai dimensi, sekaligus menambahkan khazanah maklumat dalam bidang tahfiz dan juga bahasa Arab.

## RUJUKAN

### al-Quran

- Ab Rahman al-Qari, A., Shukeri, M., & Zulkifli, H. M. Y. (2012). Pengajian Tahfiz Al-Quran dan Qira'at di Kelantan: Satu Tinjauan Terhadap Peranan Dato' Haji Muhammad Nor bin Ibrahim. Dlm. *Proceedings: The 2nd Annual International Qur'anic Conference 2012* (pp. 71-84).
- Abdul Hafiz, A., Hussin, S., Azmi Shah, S., Sulaiman Shakib, M. N., Kamarul Azmi, J., & Abdul Basit, S. (2005). *Sistem Pembelajaran dan Kaedah Hafazan Al-Qur'an yang Efektif: Satu Kajian di Kuala Lumpur dan Terengganu*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Ahmed, Z. (2008). *Essentials of Arabic Grammar for Learning Quranic Language* (1st ed.). Rawalpindi, Pakistan: Darussalam Publishers & Distributors.
- al-Jaburi, M. Hasan N. (2010). Daur al-Nahw wa al-I'rab wa Ahammiyyatuha fi Tafsir al-Nas al-Quraniy. *Majallah Auruk Li Al-Abhath Al-Insaniyyah*. 3(1), 27-42.
- Ashraf M. Z. (2011). Makanat al-Lughah al-Arabiyyah fi Dhau' Talazumiha bi al-Quran al-Karim. *Majallah Midad Al-Adab*. 1, 13-67.
- Azhar, M. (2005). Beberapa Aspek Keunikan dan Keistimewaan Bahasa Arab sebagai Bahasa al-Quran. *Jurnal Teknologi E*. 42, 61-75.
- Azmil, H. (2015). Correlation between Strategy of Tahfiz Learning Styles and Students Performance in al-Qur'an Memorization (Hifz). *Mediterranean Journal of Social Sciences*. 6(2), 85-92.
- Brod, G., Werkle-Bergner, M., & Shing, Y. L. (2013). The Influence of Prior Knowledge on Memory: A Developmental Cognitive Neuroscience Perspective. *Frontiers in Behavioral Neuroscience*. 7, 139-140.
- Creswell, J. W. (2008). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*. 3<sup>rd</sup> Edition. Thousand Oaks, CA: Sage
- Kamarul Shukri, M. T. & Mohamed Amin, E. (2009). Korelasi Strategi dengan Motivasi dalam Pembelajaran Bahasa Arab. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*. 24, 109-123.
- Ghazali, Y., Nik Mohd Rahimi, N. Y., & Parilah, M. S. (2010a). Kebimbangan Ujian dan Motivasi dalam Kalangan Pelajar Kursus Bahasa Arab dalam Konteks Kemahiran

- Lisan. *AJTLHE*. 2(2), 46-58.
- Ghazali, Y., Nik Mohd Rahimi, N. Y., & Parilah, M. S. (2010b). Sikap Pelajar Terhadap Pembelajaran Kemahiran Lisan Bahasa Arab di Universiti Teknologi MARA (UiTM). *GEMA Online® Journal of Language Studies*. 10(3), 15-33.
- Hu, X. (2012). The Application of Schema Theory in College English Listening Teaching. *Theory and Practice in Language Studies*. 2(2), 282-288.
- Khanam, S., Zahid, S. H. & Mondol, S. (2014). The Role of Schema for Effective EFL Reading Comprehension, *ASA University Review*. 8(1), 83-93.
- Mohamad Khairudin, B., Rohaida, M. S., M. Y. Zulkifli, M. Y., Noor Naemah, A. R., & Sharifah Durriyyah, H. A. (2014). Pendekatan Peneguhan bagi Aktiviti Hafalan al-Quran dalam Kalangan Pelajar di Peringkat Menengah Rendah. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*. 8, 113-135.
- Muhammad, I., & Che Noraini, H. (2014). Relationship between Memorization Technique, Mastery of the Arabic Language and Understanding of the Qur'an. *IIUM Journal of Educational Studies*. 2(2), 84-97.
- Pallant, J. (2005). *SPSS Survival Manual: A Step by Step Guide to Data Analysis using SPSS for Windows (Version 12)* (2nd ed.). Sydney: Allen & Unwin.
- Ryan, R., & Deci, E. (2000). Intrinsic and Extrinsic Motivations: Classic Definitions and New Directions. *Contemporary Educational Psychology*. 25(1), 54-67.
- Sedek, A., Sabri, M., Shahrudin, S., Mohd Zaini, Z., Nik Md Saiful Azizi, N. A., & Mohd Sa'di, M. S. (2011). Keunikan Metodologi Hafazan al-Quran Deobandy dari India. *Jurnal Al-Bayan APIUM*. 9, 1-6.
- Tabachnick, B. G., & Fidell, L. S. (2013). *Using Multivariate Statistics Sixth Edition*. Boston: Pearson.
- Taylor, G., Jungert, T., Mageau, G. A., Schattke, K., Dedic, H., Rosenfield, S., & Koestner, R. (2014). A Self-Determination Theory Approach to Predicting School Achievement Over Time: The Unique Role of Intrinsic Motivation. *Contemporary Educational Psychology*. 39(4), 342-358.

## **PENULIS**

Zahriah Hussin merupakan seorang pelajar Doktor Falsafah di Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Bidang pengkhususan beliau ialah Psikolinguistik Bahasa Arab. Beliau merupakan seorang Guru Cemerlang Bahasa Arab, serta mempunyai pengalaman mengajar selama 19 tahun.

Nik Farhan Mustapha merupakan seorang pensyarah kanan di Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Bidang pengkhususan beliau ialah Psikolinguistik Bahasa Arab.

Che Radiah Mezah merupakan seorang pensyarah kanan di Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Bidang pengkhususan beliau ialah Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab.

Pabiyah Toklubok@Hajimaming merupakan seorang pensyarah kanan di Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Bidang pengkhususan beliau ialah Sastera Bandingan Arab-Melayu.

Normaliza Abd Rahim merupakan seorang Professor Madya di Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Bidang pengkhususan beliau ialah Kajian Wacana.